

Maklumat Komoditi : Asam Gelugur

Sistem Penanaman

SISTEM PENANAMAN

Asam gelugor dibiak menggunakan biji benih, keratan akar dan anak pokok cantuman. Anak pokok cantuman paling sesuai kerana cepat berbuah. Bahan tanaman daripada anak benih tidak sesuai kerana pertumbuhan pokok yang perlahan dan lewat berbuah. Anak pokok cantuman sesuai untuk pengeluaran daun dan buah. Pokok penanti anak pokok cantuman yang rintang terhadap *Phytophthora sp.* seperti cleopatra, rangpur lime dan citromello digunakan.

Jarak tanaman	10.0 m dalam barisan x 10.0 m
Kepadatan	100 pokok/hektar
Lubang tanaman	45 cm x 45 cm x 45 cm